



Ketahui Jenis
Penipuan Siber



Kenali Perlindungan
Takaful Anda



Apa Yang Boleh
Membatalkan Jaminan
Kereta Anda?

Persediaan Kembali Ke Sekolah



ISSN 2180-3684



9 772180 368003



GABUNGAN
PERSATUAN-PERSATUAN
PENGGUNA MALAYSIA



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Persediaan Kembali Ke Sekolah

Pendidikan merupakan salah satu keperluan asas yang penting, terutama sekali bagi anda yang telah berkeluarga dan mempunyai anak-anak bersekolah. Setiap tahun, ibu bapa perlu membelanjakan ratusan atau ribuan ringgit untuk perbelanjaan sekolah anak-anak.

Malah, menurut satu kaji selidik yang dilakukan oleh HSBC, lebih daripada 50% ibu bapa di Malaysia sanggup berhutang semata-mata untuk membiayai pendidikan anak-anak. Sekiranya anda merancang untuk berkeluarga, atau sudah mempunyai anak, anda perlu menyediakan peruntukan yang khusus untuk perbelanjaan pendidikan dari sekarang. Peruntukan yang disediakan adalah berbeza-beza mengikut tahap pendidikan, iaitu peringkat rendah dan menengah, dan juga peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi.

Sejak pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dilancarkan, iaitu bermula pada tahun 1997 hingga Julai 2016, seramai hampir 2.49 juta peminjam PTPTN, yang melibatkan pengajian peringkat diploma hingga PhD. Namun, apa yang menyedihkan ialah, sehingga September 2016, seramai 739,087 peminjam tidak pernah membuat pembayaran balik pinjaman, dengan jumlah tertunggak sebanyak RM5.2 bilion. Sebaliknya ibu bapa perlu membuat perancangan awal untuk pendidikan anak kerana kos ini semakin meningkat saban tahun.

Justeru, ibu bapa perlu bersedia dalam aspek kewangan apabila berhadapan dengan pendidikan anak-anak. Perancangan kewangan sangat penting agar perbelanjaan dapat dilakukan secara berhemat.

Berikut adalah tip kembali ke sekolah yang boleh dijadikan panduan:-

a) Guna semula pakaian yang masih elok

Sekiranya pakaian sekolah, seperti baju, seluar dan kasut sekolah masih elok untuk dipakai atau baru sahaja diganti pertengahan tahun, maka ia masih boleh dipakai lagi. Dengan ini dapat menjimatkan wang daripada membeli pakaian baharu.

b) Guna semula peralatan yang telah digunakan oleh anak-anak yang lebih besar

Sekiranya anda mempunyai anak-anak yang lebih besar, yang telah tamat persekolahan, maka ia merupakan satu kelebihan. Peralatan sekolah, seperti beg, kalkulator, set 'geometri', bekas pensel, pembaris, gunting dan sebagainya, boleh digunakan semula oleh adik-adik mereka.

KOS MENYEKOLAH ANAK KE

SEKOLAH RENDAH SWASTA

Purata yuran persekolahan

Yuran pendaftaran (setahun)	RM 300
Yuran tuisyen bulanan	RM 350 (RM 4,200 setahun)
Yuran PIBG	RM 50
Yuran-yuran lain*	RM 300
JUMLAH	RM 4,850 setahun

SEKOLAH RENDAH

Purata yuran persekolahan



Yuran pendaftaran (setahun)
Yuran tuisyen bulanan

Yuran PIBG
Yuran-yuran lain*

JUMLAH

***yuran-yuran lain

YURAN

Purata yuran Universiti Awam (bidang IT)

Yuran pendaftaran (setahun)	RM 800
Yuran tuisyen per semester	RM 1,200 (RM 2,400 setahun) (2 semester)
Yuran-yuran lain*	RM 150
JUMLAH	RM 3350 (setahun)

Purata yuran Universiti Swasta (bidang IT)

Yuran pendaftaran (setahun)	RM 450
Yuran tuisyen per semester	RM 4,400 (RM 8,800 setahun) (2 semester)
Yuran-yuran lain*	RM 900
JUMLAH	RM 10,150 (setahun)

***yuran-yuran lain termasuklah yuran orientasi

sources;

CompareHero.my
We compare, you save



GHANTAR SEKOLAH



SEKOLAH MENENGAH SWASTA

Purata yuran persekolahan

Yuran pendaftaran (setahun)	RM 800
Yuran tuisyen bulanan	RM 400 (RM 4,800 setahun)
Yuran PIBG	RM 150
Yuran-yuran lain*	RM 350
JUMLAH	RM 6,100 setahun



SEKOLAH MENENGAH AWAM

Purata yuran persekolahan

Yuran pendaftaran (setahun)	Tiada
Yuran tuisyen bulanan	RM 300 (RM 3,600 setahun)
Yuran PIBG	RM 150
Yuran-yuran lain*	RM 250
JUMLAH	RM 4,000 setahun



Yuran persekolahan

- Tiada
- RM 200
(RM 2,200 setahun)
- RM 50
- RM 150
- RM 2,400 setahun

* termasuklah yuran peperiksaan, yuran aktiviti, insuran dan lain-lain

PENDIDIKAN TERTIARI

Purata yuran Universiti Awam (bidang Kemanusiaan)

Yuran pendaftaran (setahun)	RM 800
Yuran tuisyen per semester	RM 950 (RM 1900 setahun) (2 semester)
Yuran-yuran lain*	RM 150
JUMLAH	RM 2,850 (setahun)

Purata yuran Universiti Swasta (bidang Kemanusiaan)

Yuran pendaftaran (setahun)	RM 450
Yuran tuisyen per semester	RM 3,400 (RM 6800 setahun) (2 semester)
Yuran-yuran lain*	RM 900
JUMLAH	RM 8,150 (setahun)

* termasuklah yuran pentadbiran, yuran makmal dan bengkel dan sebagainya



Nota: info ini adalah berdasarkan data yang diambil di laman-laman sesawang sekolah-sekolah seluruh Malaysia pada tahun 2014-2015

Sidang Redaksi

Penasihat

YBhg. Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang

Dato' Paul Selva Raj

Editor

Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang

Siti Rahayu binti Zakaria
Mandeep Singh
Shabana Naseer Ahmad

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan

Pengguna Malaysia

No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076

E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang : www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:

Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)

No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468

E-mel : info@crcc.org.my
Sesawang : www.crcc.org.my

Dicetak oleh:

فوجیتیک اساس جای (ملیسیا) سندھون برحد

Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd

No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

c) **Senaraikan keperluan yang ingin diganti**

Semasa musim kembali ke sekolah, banyak pasar raya dan kedai-kedai menawarkan harga diskaun. Anda perlu menyediakan senarai barangan yang ingin dibeli agar tidak membeli melebihi kemampuan anda.

d) **Buat bajet**

Keperluan anak-anak bersekolah menengah dan rendah adalah berbeza. Begitu juga dengan yuran sekolah yang berbeza. Sebagai ibu bapa, anda perlu menyediakan bajet persekolahan anak-anak, sekurang-kurangnya 3 hingga 5 bulan lebih awal. Begitu juga, perbelanjaan untuk membeli peralatan sekolah, pakaian, yuran dan sebagainya.

e) **Membuat persediaan awal**

Sebagai ibu bapa, anda tidak perlu menunggu sehingga hujung tahun untuk membeli peralatan persekolahan anak-anak. Anda boleh berbelanja secara beransur-ansur. Ada ibu bapa yang terpaksa menggunakan kad kredit kerana membeli pakaian dan peralatan sekolah yang banyak. Hal ini akan membebankan anda.

f) **Pengangkutan atau kenderaan ke sekolah**

Ibu bapa yang bekerja memerlukan pengangkutan, seperti bas atau van sekolah, untuk anak-anak mereka. Bajet yang diperlukan untuk semua anak yang bersekolah kemungkinan antara RM80 hingga RM300 sebulan. Sebagai alternatifnya, mungkin anak anda boleh berkongsi kenderaan dengan anak-anak jiran atau menaiki kenderaan awam untuk mengurangkan kos. Anda boleh berjimat sekiranya anak-anak tinggal di asrama sekolah.

g) **Bawa bekal ke sekolah**

Amalan membawa bekal ke sekolah membolehkan anak anda menikmati makanan yang berkhasiat dan sihat untuk tubuh badan. Anak anda boleh menjimatkan wang dan masa beratur untuk membeli makanan di kantin. Anda boleh memulakan dengan membawa bekal untuk satu kali dalam seminggu. Jika anda telah terbiasa, tingkatkan kekerapan jumlah hari anak anda membawa bekal ke sekolah.

Dalam keadaan ekonomi yang masih tidak menentu pada tahun 2017, ibu bapa perlu merancang kewangan mereka dengan lebih berhemat. Tanamkan tabiat menyimpan wang untuk menampung keperluan. Kikis tabiat suka berhutang kerana ia tidak sihat dalam pengurusan kewangan.

Sumber: FOMCA

“Keperluan anak-anak bersekolah menengah dan rendah adalah berbeza. Begitu juga dengan yuran sekolah yang berbeza.”



Ketahui Jenis Penipuan Siber

Pengetahuan masyarakat tentang jenayah siber masih rendah dan memerlukan pendedahan pada pelbagai peringkat umur.



Jenayah tidak mengenal mangsa dan cara. Terkini dilaporkan jenayah penipuan siber telah mencecah jumlah jutaan ringgit. Jenayah ini kian meningkat setiap tahun. Mereka menggunakan taktik yang biasanya boleh memerangkap anda tanpa anda sedari, dengan 'helah' yang digunakan sangat licik dan seakan-akan benar. Dalam hal ini, anda perlu berhati-hati.

Berdasarkan statistik yang dikongsi oleh CyberSecurity Malaysia (CSM), yang dijalankan oleh My Team Response Komputer (MyCERT), statistik pengelasan insiden secara umum yang dilaporkan sehingga bulan Oktober 2016, penipuan siber mencatatkan jumlah insiden tertinggi, iaitu berjumlah 3,295 kes. Manakala pencerobohan merupakan insiden kedua tertinggi dengan jumlah 2,143 kes (30.6%) bersamaan 47.1% daripada keseluruhan kes yang diterima oleh CSM.

Menurut laporan daripada Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Bukit Aman Polis Diraja Malaysia, penipuan siber di negara ini meningkat kepada 9,085 kes pada tahun lalu, berbanding 6,337 kes pada 2014 membabitkan kerugian RM179.3 juta dan RM161.8 juta. Trend itu menunjukkan peningkatan yang mencatatkan 5,785 kes dengan kerugian RM119.7 juta daripada Januari hingga Jun 2016.

Pengetahuan masyarakat tentang penipuan siber masih rendah dan memerlukan pendedahan pada pelbagai peringkat umur. Banyak jenayah baharu melalui media sosial semakin berleluasa. Dunia tanpa sempadan dan mudah untuk mengakses maklumat merupakan salah satu cara yang digunakan sebagai perangkap siber untuk memanipulasi maklumat pengguna.



“... penipuan siber di negara ini meningkat kepada 9,085 kes pada tahun lalu ...”

Antara jenis-jenis penipuan yang sering berlaku di Malaysia adalah seperti berikut:-

SCAM BUNGKUSAN (PARCEL SCAM)

Mangsa "jatuh cinta" dengan suspek melalui media sosial dan berjanji akan memberikan bungkusan bagi membuktikan cinta mereka. "Pegawai kastam" atau syarikat kurier akan menghubungi mangsa, menuntut bayaran cukai atau insurans bagi mendapatkan bungkusan yang dikirimkan. Mangsa tidak menerima bungkusan yang dijanjikan dan sindiket tersebut sering menghubungi mangsa untuk meminta wang.



SCAM WANG HITAM (BLACK MONEY SCAM)

Sindiket penipuan meyakinkan mangsa bahawa kertas hitam bersaiz dolar Amerika Syarikat kononnya sengaja dihitamkan (black money) untuk diseludup ke luar negara bagi mengelak dikesan oleh pihak berkuasa. Wang tersebut kononnya merupakan wang milik orang kaya yang telah meninggal dunia. Mangsa ditawarkan sebahagian daripada kekayaan sekiranya membantu membiaya kos membeli cecair kimia untuk membersihkan wang hitam tersebut. Setelah memperolehi wang daripada mangsa, suspek melarikan diri.



SCAM PERCITAAN (LOVE SCAM)

Mangsa memulakan hubungan percintaan melalui internet. "Kekasih" meluahkan hasrat ingin berkahwin dengan mangsa di Malaysia tetapi telah "ditahan" semasa tiba di lapangan terbang. Mangsa diminta oleh suspek atau pihak sindiket untuk membuat bayaran bagi melepaskan suspek.



SCAM PELABURAN (INVESTMENT SCAM)

Scam pelaburan ini terdiri daripada pelbagai bentuk seperti panggilan telefon yang menawarkan peluang pelaburan atau mangsa menerima e-mel yang menawarkan mangsa untuk membeli saham dengan menjanjikan pulangan yang tidak munasabah.



SCAM MACAU

Dalng sindiket biasanya warga asing yang mempunyai rangkaian di beberapa Negara Asean termasuk Indonesia, Laos, Kemboja dan Filipina. Sindiket menyamar sebagai seorang pegawai polis atau pegawai bank, dan menghubungi bakal mangsa dan mengatakan bahawa mangsa dikehendaki bagi kesalahan jenayah seperti pengubahan wang haram atau membiaya aktiviti keganasan. Mangsa terdesak dan dikatakan mempunyai rekod jenayah di Bukit Aman atau Bank Negara, dan untuk memadamkan rekod jenayah mangsa dipaksa untuk memindahkan wang ke dalam akaun penipuan/sindiket ini.



Infografik:
the star online

Tip

Berikut ialah lima kaedah untuk mencegah risiko kepada penipuan dalam talian:

- **Padam e-mel** yang mencurigakan dan tidak boleh dipercayai.
- **Abaikan iklan** yang kelihatan 'indah khabar daripada rupa'.
- Kemas kini perisian **anti-malware** anda.
- **Cari maklumat** mengenai penipuan secara dalam talian.
- **Berkongsi pengetahuan** dan tip pencegahan dengan rakan-rakan dan keluarga melalui media sosial.

Sumber: FOMCA



Kenali Perlindungan Takaful Anda

Disediakan oleh: Jabatan Perbankan Islam dan Takaful, Bank Negara Malaysia

Takaful berasal dari perkataan Arab yang bermaksud jaminan. Para peserta Takaful bersetuju menyumbang dana dan membantu antara satu sama lain sekiranya terdapat peserta yang ditimpa sesuatu musibah.

Takaful untuk **Semua Lapisan Masyarakat** bukannya untuk orang Islam sahaja



Mengapa perlunya perlindungan Takaful?

Menjamin masa hadapan

Takaful Keluarga
Takaful berkaitan Pelaburan
Takaful Pendidikan

Melindungi kesihatan

Takaful Perubatan
Takaful Kesihatan

Melindungi harta benda

Takaful Rumah
Takaful Kenderaan Bermotor

Menyediakan keperluan perlindungan peribadi

Takaful Kemalangan
Takaful Perjalanan

Kebanyakan pelan Takaful mempunyai **Perkongsi Lebihan (Surplus)** bergantung kepada prestasi dana Takaful



Sekiranya jumlah perkongsian lebihan **(Surplus) < RM 10**, amaun tersebut akan didermakan untuk tujuan **Kebajikan**



Pelepasan Cukai

Sehingga RM 6,000 untuk perlindungan Takaful Keluarga + KWSP;

Sehingga RM 3,000 untuk Takaful pendidikan & perubatan; dan

Sehingga RM 3,000 untuk Takaful anuiti



Pengendali Takaful akan membayar **Zakat** perniagaan bagi keuntungan yang diperolehi



Siri seterusnya akan membincangkan mengenai jenis-jenis perlindungan Takaful yang ditawarkan buat pelanggan di Malaysia

Sumber: Malaysian Takaful Association (MTA)

Apa Yang Boleh Membatalkan Jaminan Kereta Anda?

“Kebanyakan pengguna percaya bahawa sebarang pengubahsuaian yang dilakukan akan membatalkan jaminan. Terdapat juga segelintir yang mengatakan ia tidak akan membatalkan keseluruhan jaminan kereta anda.”



Jaminan ialah satu kontrak antara anda dan syarikat pengeluar kereta. Lazimnya, syarikat akan menyelesaikan apa-apa pembaikan yang berkenaan, dengan syarat anda menjaga kenderaan dengan baik seperti yang tertera dalam jaminan. Namun, jaminan boleh terbatal sekiranya anda tidak mematuhi syarat-syarat yang terkandung dalam kontrak. Oleh itu, anda perlu mengetahui apakah keadaan yang boleh membatalkan jaminan kereta anda. Anda juga perlu memastikan semua rekod yang berkaitan dengan servis kereta atau jaminan disimpan dengan teliti.

Kebanyakan pengguna percaya bahawa sebarang pengubahsuaian yang dilakukan akan membatalkan jaminan. Terdapat juga segelintir yang mengatakan ia tidak akan membatalkan keseluruhan jaminan kereta anda. Kedua-dua pandangan adalah betul, iaitu terdapat syarikat kereta yang akan membatalkan jaminan kereta anda dengan keseluruhannya dan ada yang tidak berbuat sedemikian. Contohnya, Syarikat A akan

membatalkan semua jaminan bagi kereta A jika didapati menukar rim kereta. Manakala, Syarikat B hanya membatalkan jaminan kereta B pada bahagian-bahagian yang tertentu sahaja, seperti penyerap hentak, sistem brek dan bahagian-bahagian lain yang menyebabkan kerosakan tersebut.

Apa Yang Boleh Membatalkan Jaminan Kereta?

- **Penyalahgunaan kenderaan:** Istilah ini boleh ditafsirkan dengan cara yang luas. Antaranya menggunakan kenderaan untuk kegiatan perlumbaan / sebarang pertandingan, muatan kenderaan berlebihan atau penggunaan kereta di luar jalan raya (*off-roading*). Biasanya, sebarang pengendalian luar biasa kenderaan boleh dianggap sebagai penyalahgunaan. Pengeluar kenderaan akan membatalkan keseluruhan jaminan kereta



“Demi menjaga jaminan anda hendaklah mengikuti jadual penyelenggaraan yang disyorkan ...”

anda untuk pelanggaran ini. Walau bagaimanapun, keputusan ini biasanya atas budi bicara pentadbir jaminan (syarikat yang mengeluarkan jaminan) kereta tersebut.

- **Bencana alam:** Jika kenderaan anda rosak disebabkan oleh kebakaran, banjir, gempa bumi atau bencana alam sekitar yang lain, syarikat insurans yang mengeluarkan jaminan boleh membatalkan jaminan tersebut.
- **Pengabaian jadual penyelenggaraan:** Jika anda gagal untuk menghantar kenderaan anda untuk diservis semasa penyelenggaraan yang dijadualkan, syarikat kereta itu tidak bertanggungjawab untuk memperbaiki apa-apa kerosakan terhadap enjin. Jika kereta anda masih dalam jaminan, elakkan perkara ini daripada berlaku.
- **Penggunaan minyak atau alat yang tidak serasi:** Anda hendaklah sentiasa memastikan kereta anda menggunakan barang atau alat ganti yang betul (contoh: minyak enjin, minyak petrol, tayar dan lain-lain) seperti yang dinyatakan dalam manual kereta anda.
- **Mengubah suai bahagian-bahagian kenderaan selepas jualan:** Ini merupakan bahagian penting yang pengguna masih samar mengenainya. Sebagai contoh, anda menukar rim kereta yang dijual di pasaran selepas dua minggu anda membeli kereta baharu. Sekiranya berlaku kegagalan terhadap sistem brek dan yang berkaitan dengannya, adakah jaminan anda terbatal sepenuhnya atau separuh daripadanya?

Oleh itu, anda perlu menyemak kandungan dalam jaminan kenderaan anda sebelum anda melakukan pengubahsuaian.

Bagaimana Untuk Elakkan Isu Jaminan Terbatal?

- **Baca terma dan syarat jaminan anda dengan teliti:** Anda hendaklah sentiasa membaca cetakan kecil di dalam kontrak jaminan dan memahami had-had atau klausa pengecualiannya, yang sering disertakan bersama-sama dengan manual pemilik kereta. Cari di bahagian “Apakah yang Tidak Dilindungi” atau dalam Bahasa Inggeris dinyatakan sebagai “*What is Not Covered*”.
- **Selenggara kereta anda secara berkala:** Demi menjaga jaminan, anda hendaklah mengikuti jadual penyelenggaraan yang disyorkan oleh pengeluar dan membuat sebarang penyelenggaraan di pusat servis yang sah sahaja.
- **Simpan semua rekod perkhidmatan dan resit:** Ini merupakan satu tabiat yang baik untuk menyimpan rekod atau resit jika anda ingin menjual kenderaan anda, tetapi juga sebagai bukti bahawa anda menjaga kenderaan anda serta bukti penyelenggaraan yang dibuat pada kenderaan anda.

Jaminan adalah terbuka kepada tafsiran. Oleh itu, NCCC mencadangkan supaya anda berhati-hati apabila membeli kereta dan membuat sebarang pengubahsuaian. Jika anda ingin membuat pengubahsuaian kepada kenderaan anda, maka anda harus ingat bahawa pengeluar kereta boleh menjadi pengubahsuaian tersebut sebagai penyebab jika berlaku sebarang masalah. Dalam hal ini, anda terpaksa menanggung sendiri kerosakan itu kerana jaminan kereta anda tidak lagi sah.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)



OMBUDSMAN FOR FINANCIAL SERVICES
OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN

ALTERNATIVE AVENUE FOR FINANCIAL DISPUTE RESOLUTION

The primary mandate of the Ombudsman for Financial Services (OFS) is to settle disputes between you and our Members who are financial service providers licensed or approved by Bank Negara Malaysia. We are independent, impartial and effective in resolving financial disputes. Our services are provided free of charge.

SALURAN ALTERNATIF UNTUK PENYELESAIAN PERTIKAIAN KEWANGAN

Mandat utama Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) adalah untuk menyelesaikan pertikaian kewangan di antara anda dan Anggota kami yang merupakan penyedia perkhidmatan kewangan yang dilesenkan atau diluluskan oleh Bank Negara Malaysia. Kami menyelesaikan pertikaian kewangan secara bebas, saksama dan efektif. Perkhidmatan kami disediakan secara percuma.



**For more information, please contact
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi**

Ombudsman for Financial Services (664393P)
(Formerly known as Financial Mediation Bureau)

Level 14, Main Block,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur

Tel: 603 2272 2811
Fax: 603 2272 1577
Email: enquiry@ofs.org.my
Website: www.ofs.org.my



GANTI TANDATANGAN ANDA DENGAN PIN 6 DIGIT

Memperkenalkan PIN untuk semua kad kredit, debit, caj dan prabayar anda.
Dengan hanya 6 digit, keselamatan kad anda kini lebih terjamin.

Tukar kepada PIN 6 digit yang lebih selamat.

www.pinandpay.com.my



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Untuk Pemegang Kad Kredit

Kad kredit PIN baharu anda akan dihantar kepada anda sebelum akhir tahun 2016. Apabila anda menerima kad tersebut, sila ikut arahan yang disertakan dengan kad baharu.



Langkah 1

Aktifkan kad kredit anda dengan serta-merta kerana kad kredit tandatangan lama anda tidak boleh digunakan lagi 3 bulan selepas anda menerima kad kredit PIN baharu anda.



Langkah 2

Pilih PIN 6 digit untuk kad kredit baharu anda dengan mengikuti arahan yang diberikan oleh pengeluaran kad anda.



Langkah 3

Anda boleh mula menggunakan kad kredit baharu anda dengan memasukkan PIN 6 digit anda, secara selamat, di terminal pembayaran kad yang memaparkan logo PIN & BAYAR.

Untuk Pemegang Kad Debit

Pengeluar kad anda akan menghantar kad debit PIN baharu kepada anda, atau anda akan dihubungi untuk mengambilnya dari cawangan bank anda yang terdekat.



Langkah 1

Aktifkan kad debit anda dengan serta-merta kerana kad debit lama anda tidak boleh digunakan selepas suatu tempoh tertentu.



Langkah 2

Pilih PIN 6 digit untuk kad debit baharu anda dengan mengikuti arahan yang diberikan oleh pengeluaran kad anda.



Langkah 3

Anda boleh mula menggunakan kad debit baharu anda dengan memasukkan PIN 6 digit anda, secara selamat, di terminal yang memaparkan logo PIN & BAYAR.



Association of Islamic Banking Institutions Malaysia



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Memperkenalkan siri aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia

Ke arah
pengguna
keuangan yang
lebih bijak

MyBNM

BNM MyLINK

MyTabung

MyRinggit



Membuat keputusan kewangan bukannya mudah, sama ada anda pelajar, suri rumah, ahli perniagaan atau pekerja. Dengan aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia ini, anda bukan sahaja boleh mendapatkan perkembangan dan maklumat terkini hal-hal kewangan, tetapi juga menggunakan aplikasi untuk merancang dan menguruskan kewangan anda dengan mudah serta menggunakan hak anda sebagai pengguna kewangan.



MyBNM

Dapatkan maklumat dan pengumuman terkini mengenai hal-hal kewangan di dalam negeri dan peringkat global serta amaran penting kepada pengguna berhubung dengan penipuan kewangan.



BNM MyLINK

Saluran berkesan yang menghubungkan pengguna dengan institusi kewangan di Malaysia untuk mengemukakan pertanyaan, mendapatkan nasihat dan membuat aduan.



MyTabung

Aplikasi pemantau belanjawan untuk merancang dan menguruskan kewangan peribadi anda atau isi rumah secara berhemat untuk mencapai matlamat kewangan.



MyRinggit

Ketahui ciri-ciri keselamatan penting dan teknik untuk membezakan wang kertas Malaysia yang asli dengan yang palsu.

Tunggu apa lagi? Dapatkan dan muat turun siri aplikasi mudah alih Bank Negara Malaysia ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris secara PERCUMA.

